

Headline	Manfaat 57 tahun penganjuran tilawah al-Quran		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 May 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	11	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	380 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,579
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,737



Manfaat 57 tahun penganjuran tilawah al-Quran

Oleh **RAM AL JAFFRI SAAD**

MAJLIS Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-57 yang diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang pada minggu lalu berlangsung dengan jayanya.

Seramai 30 qari dan qariah termasuk juara menunggu memperdengarkan bacaan masing-masing pada kali ini. Siapa qari dan qariah yang menjadi juara telah diketahui. Mereka akan mewakili negara dalam Tilawah Peringkat Antarabangsa tidak lama lagi.

Apakah manfaat yang kita perolehi setelah 57 kali penganjuran majlis tilawah ini kepada agama, diri, keluarga, masyarakat dan negara? Tepuk dada, tanyalah iman.

Penulis percaya ramai yang mendapat manfaat daripada majlis ini. Namun, jika tiada satu pun manfaat yang kita dapat daripada majlis ini, sesuatu yang 'bahaya' telah menimpa diri kita. Dibimbangi hati kita bermasalah.

Mengimbuai kembali sejarah, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj selaku Perdana Menteri pertama ialah individu yang bertanggungjawab menganjurkan majlis ini pada 9 Mac 1961. Stadium Merdeka telah menjadi lokasi pertamanya sebelum dipindahkan ke Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 1985. Kini, penganjuran majlis ini di peringkat kebangsaan diadakan di negeri-negeri terpilih.

Penganjuran saban tahun memberi banyak manfaat kepada agama. Al-Quran adalah mukjizat dan keajaiban yang Allah SWT kurniakan kepada Nabi Muhammad SAW dan umatnya serta sekalian alam. Al-Quran mengandungi kehebatan cukup besar yang tidak mampu diusahakan manusia. Al-Quran menyediakan garis panduan hidup yang relevan setiap zaman dan meliputi setiap keilmuan dalam kehidupan manusia.

Setiap Muslim adalah khalifah yang bertanggungjawab menyampaikan walaupun satu huruf dan majlis tilawah ini antara platform berkesan kepada penyampaian dakwah Islam.

Walaupun penulis tidak ada data mengenai berapa ramai yang memeluk Islam setelah mendengar ayat-ayat suci al-Quran sepanjang majlis ini, penulis percaya ada dalam kalangan kita yang dikurniakan hidayah Islam setelah mengikuti majlis ini. Perkara ini diyakinkan melalui fakta sejarah yang mana Saidina Umar al-Khattab memeluk Islam selepas mendengar bacaan ayat al-Quran oleh adiknya, Fatimah.

Dalam konteks diri manusia, hati-hati orang yang beriman akan tersentuh setiap kali mendengar bacaan ayat-ayat suci al-

Quran. Kita harus berasa risau jika kita tidak merasa apa-apa apabila al-Quran dibacakan. Sesuatu yang serius dan segera wajar diam-bil agar kita tidak terlalu jauh dari al-Quran.

Penganjuran majlis ini juga cukup besar manfaatnya kepada keluarga. Bagi yang berdekatan, ambillah peluang untuk membawa semua ahli keluarga tak kira kecil, remaja atau dewasa. Bagi yang berada di rumah, majlis tilawah wajar dijadikan rancangan pilihan keluarga.

Hentikan sementara melihat rancangan televisyen yang tidak bermanfaat. Bukalah siaran langsung majlis tilawah. Hal ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan keluarga malah inilah masa yang sesuai untuk memberitahu kepada anak-anak bahawa al-Quran adalah pegangan hidup setiap Muslim.

Hadiah yang disediakan kepada para pemenang juga bertambah dari setahun ke setahun. Pada tahun ini, Tabung Haji (TH) menyumbang sebuah kereta Proton Preve kepada juara qari dan qariah. Ini membuktikan majlis tilawah juga mampu menarik penyertaan korporat dalam menunaikan tanggungjawab sosial mereka. Diharapkan pada masa depan lebih banyak syarikat korporat terutama syarikat-lulus syariah di Bursa Malaysia yang dianggarkan lebih daripada 800 buah syarikat turut bersama-sama menjayakan majlis ini.

Majlis tilawah juga membawa kebaikan kepada negara. Kefahaman masyarakat kepada Islam di negara kita semakin bertambah baik. Boleh dikatakan hampir setiap malam dewan dipenuhi oleh orang ramai.

Jika dahulu qari dan qariah terdiri daripada kalangan orang dewasa, namun sekarang majoriti mereka adalah dalam kalangan generasi muda. Bacaan mereka juga baik dan boleh menyentuh hati setiap pendengarnya. Mereka inilah sepatutnya menjadi ikon dan model kepada anak-anak kita sekarang.

Majlis tilawah menjadi *trademark* negara walaupun pernah dilaporkan ada beberapa negara yang cuba meniru usaha ini namun tidak berjaya. Malaysia telah berjaya menganjurkan majlis ini secara konsisten dan ini membuktikan komitmen dan kesungguhan negara terhadap penghayatan al-Quran.

Sememangnya kejayaan ini bukan dicapai dengan mudah. Ia merupakan hasil usaha dan kerjasama semua pihak sama ada agensi-agensi kerajaan mahupun swasta. Sekalung tahniah diucapkan kepada semua. Semoga majlis ini mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan Islam, Pusat Pengajian Perakaunan (SOA), Universiti Utara Malaysia.

Headline	Manfaat 57 tahun penganjuran tilawah al-Quran		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 May 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	11	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	380 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,579
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,737



SEBAHAGIAN tetamu turut mengikuti bacaan ayat-ayat suci al-Quran pada Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-57 di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang, minggu lalu.